

30 AUG 1999

Alaf-Negeri (Rangkuman)

LAUNGAN "MERDEKA" BERGEMA DI SELURUH MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 30 Ogos (Bernama) -- Rakyat Malaysia dari segenap lapisan masyarakat berhimpun di pelbagai tempat di seluruh negara untuk menyertai sambutan "Perayaan Se Abad Malaysia Ke Alaf Baru" peringkat negeri sempena sambutan ulang tahun Hari Kebangsaan ke-42 esok.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melancarkan perayaan berkenaan peringkat kebangsaan di Stadium Nasional di Bukit Jalil dekat sini malam ini dengan dihadiri oleh kira-kira 100,000 orang.

Di IPOH, Menteri Besar Tan Sri Ramli Ngah Talib melancarkan perayaan itu di Dataran Majlis Bandaraya Ipoh diikuti dengan upacara menaikkan "Jalur Gemilang" dan Malam Gema Merdekarama.

Acara bermula pukul 9 malam dengan persembahan Kombo Polis Perak, nyanyian penyanyi tempatan dan persembahaan kebudayaan pelbagai kaum.

Selain itu, kumpulan Orang Asli Seri Idayu daripada Kg Perak, Parit turut menyumbangkan persembahan nyanyian, dan melalui skrin yang dipasang di padang, orang ramai yang terdiri daripada 5,000 orang turut dapat mengikuti persidangan lintas langsung antara Ramli dan Dr Mahathir.

Ramli turut melepaskan seramai 1,000 peserta Larian Mesra yang sejauh empat km mengelilingi bandaraya Ipoh pada pukul 11 malam.

Para peserta itu telah kembali pada jam 11.58 malam untuk menyerahkan bendera negara untuk dikibarkan tepat pada pukul 12 tengahmalam di dataran itu.

Di ALOR SETAR, Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid menghadiri majlis menaikkan bendera Jalur Gemilang di Medan Bandar berhadapan dengan Balai Besar.

Sebelum bendera itu dinaikkan, lampu di sekitar kawasan itu dipadamkan selama lima minit sehingga tepat pukul 12 tengah malam Sanusi melaungkan teriakan "Merdeka!" sebanyak tiga kali serentak disambut oleh orang ramai yang hadir.

Persembahan kebudayaan dan deklamasi puisi kebangsaan turut diadakan.

Sebelum itu, Sanusi turut menghadiri majlis tahlil di Masjid Zahir di Alor Setar sebagai satu daripada acara tetap menyambut ulang tahun Hari Kebangsaan.

Di KUALA TERENGGANU, sambutan Hari Kebangsaan malam ini berlangsung di Taman Syahbandar di sini dengan pelbagai pertunjukan hiburan dan kebudayaan seperti tarian Rodat dan Ulek Mayang oleh kumpulan kebudayaan negeri yang disaksikan lebih 3,000 orang.

Di sekitar bandar pula, beberapa kumpulan kanak-kanak dan remaja menaiki basikal mengelilingi bandar Kuala Terengganu sambil mengibarkan Jalur Gemilang serta sesekali melaungkan 'Merdeka'.

Sambutan di negeri ini bermula sejak pukul 7 petang dengan majlis tahlil, sembahyang hajat dan bacaan surah Yassin di Masjid Wakaf Tembesu, Gong Badak yang dihadiri Menteri Besar Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Che Mat Jusoh dan anggota Exco.

Wan Mokhtar yang sebelum itu menyertai "teleconference" dengan Dr Mahathir di Pusat Latihan Telekom di Rusila, kemudiannya menaikkan Jalur Gemilang di Taman Syahbandar tepat 12 tengah malam.

Di SHAH ALAM, sambutan dimulakan seawal 8.30 malam dengan perarakan oleh 42 kontinjen terdiri daripada jabatan-jabatan kerajaan negeri melalui kawasan Dataran Shah Alam dengan disaksikan oleh lebih 10,000 penonton.

Selepas perarakan kira-kira pukul 10 malam, Menteri Besar Selangor Datuk Seri Abu Hassan Omar meninggalkan majlis untuk "teleconference"

dengan Dr Mahathir di Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri di sini.

Sambutan diteruskan dengan persembahan kesenian dan acara nyanyian artis seperti Ziana Zian, A.Razak and beberapa lagi

Abu Hassan juga mendeklamasikan sajak berjudul "Di Gerbang Alaf Baru".

Di KOTA BAHARU, menjelang detik tengah malam bagi menandakan Hari Kemerdekaan ke-42 negara, kira-kira 5,000 penduduk di sekitar bandar ini disajikan dengan pelbagai persembahan kebudayaan khususnya dikir barat di Stadium Sultan Mohamed ke IV di sini.

Penonton juga dihiburkan dengan persembahan aksi berani oleh beberapa penunggang motosikal serta perlawanan bola sepak persahabatan antara kakitangan kerajaan negeri dan kakitangan Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan.

Yang turut menyaksikan persembahan itu ialah Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat dan Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Wan Hashim Wan Daud dan anggota-anggota Exco kerajaan negeri.

Esok, sambutan Hari Kebangsaan peringkat negeri bermula pukul 7 pagi di stadium berkenaan.

Di PULAU PINANG, Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Soo Koon meminta rakyat supaya bersama-sama dengan kerajaan memastikan negara terus aman dan maju.

Katanya, nasib rakyat dan negara sebenarnya terletak di tangan rakyat sendiri dan mereka yang arif mencorakkannya.

Beliau berkata banyak kejayaan telah dicapai oleh anak Malaysia berasaskan semangat "Malaysia Boleh" dan semangat itu juga akan membolehkan rakyat mencapai kecemerlangan pada alaf baru.

Ketika berucap pada sambutan "Perayaan Se Abad Malaysia ke Alaf Baru" di Padang Kota Lama di sini, beliau berkata rakyat bertuah mempunyai pemimpin yang berfikiran bernas dan dapat menangani semua cabaran.

Dalam teleconference dengan Dr Mahathir, Dr Koh mengambil kesempatan memperkenalkan mascot Sukma 2000, Burung Bayan, yang Pulau Pinang akan menjadi tuan rumah acara itu tahun depan.

-- BERNAMA

TM FAZ